



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	22/12/2019	MUKA SURAT : 41
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

328,957 pengguna alami gangguan bekalan air

Loji rawatan dihenti berikutan pencemaran bau Sungai Semenyih

Oleh Norrasidah Arshad
norrasidah@bh.com.my

Shah Alam: Bekalan air di empat daerah negeri ini terjejas membabitkan 348 kawasan dan 328,957 akaun pengguna, berikutan masalah pencemaran bau di Sungai Semenyih, semalam.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Pengerusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halim Mar Som, berkata insiden tersebut menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya. Susulan itu, beliau berkata, kawasan yang terjejas ialah di se-

kitar Wilayah Peraling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

"Pasukan pemantauan sungai membatalkan Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sudah digerakkan untuk mengenal punca pencemaran bau berlaku di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitarnya.

"Air Selangor juga sudah menamatkan Pelan Tindakan Keemasan (ERP) bagi menggiatkan bantuan kepada pelanggan yang terjejas," katanya dalam satu ke-

nyataan di sini, semalam.

Abdul Halim berkata, Air Selangor tidak dapat memisahkan tempoh masa yang diperihakan bagi membolehkan loji terbahit beroperasi semula seperti biasa.

Beliau berkata, perkara itu bergantung pada tahap pencemaran, selain pihaknya kini mengesan pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran berkenaan.

"Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dari semasa ke semasa," katanya.